

Suara Al - Istiqamah

Membina Masyarakat Beriman, Berilmu & Beramal

VOLUM 1, ISU 1

MITA (P) No. 136/12/2000

Diedarkan dengan Percuma

Syawal 1421 H

Kata Aluan

Sempena Ramadan Al-Mubarak dan Aidil-fitri yang mulia ini, kami melancarkan majalah "Suara Al-Istiqamah" sebagai satu lagi wadah perhubungan antara masjid dan jemaah. Mudah-mudahan mendapat berkat dan rahmat Allah, insya-Allah.

Kami melampirkan harapan agar penerbitan ini akan memperkukuh hubungan sesama kita yang telah terjalin sejak masjid ini terdiri dalam rangka memperhambakan diri kepada Allah s.w.t. dan mencari keredhaanNya.

Majalah ini memuatkan beberapa rencana ringkas berteraskan iman, ilmu dan amal; maklumat mengenai aktiviti masjid, laporan dan perkembangan yang berlaku di masjid ini, dan pelbagai petikan berunsurkan ilmu, kata-kata hikmat, contoh tau-ladan dari tokoh-tokoh Islam.

Menerusi majalah ini, kami berharap kita sama-sama akan sentiasa saling sokong menyokong dalam usaha memakmurkan rumah Allah ini.

Kami mengalu-alukan pandangan, sumbangan dan maklum balas anda.

Yang baik itu dari Allah dan buruk itu adalah dari kelemahan kami. Semoga kita menjadi hamba-hamba yang redha dan diredhai, amin.

- Hj Hashim Ismail

Pengerusi, Masjid Al-Istiqamah

Dalam isu ini:

Kekalkan Ibadah Korban	2
Aktiviti-aktiviti Masjid	3
Dari Belakang Kaunter: Laporan Ringkas 3 Jabatan	4-5
Ummi Ros, Ummi	6
Ilmu Perlu Untuk Bera-	7
Luahan Seorang Khadam	7
Keteguhan Iman Abu Bakar r.a.	8

Masa Menghisab Diri

Oleh Hj Suhaimi Mohsen

*Menang atau kalah
Untung atau rugi
Gembira atau duka
Berjaya atau kecewa*

Di mana kedudukan kita?

Dalam keriangangan menyambut Hari Raya ini, yang memang wajar bagi setiap orang yang berpuasa, kita terkadang lupa menghisab diri, bagaimana keadaan kita selepas Ramadan. Mudah-mudahan kita dapat meningkatkan diri dalam Ramadan dan Syawal kali ini dengan tidak lupa untuk menghisab diri.

Puasa melatih kita untuk mengawal hawa nafsu. Bukan sekadar menahan diri daripada lapar dan dahaga, kita harus mengawal mata, telinga, mulut (percakapan), kaki dan tangan, hati dan fikiran.

Apakah kita telah dapat mengawal mata daripada melihat yang haram dan sebaliknya melihat pelbagai benda ciptaan Tuhan sehingga kita mengangung-

kanNya dan mensyukuri nikmatNya, banyak menangis menginsafi diri atau masih kerap terlekat di kaca tv, apakah kita telah menahan telinga daripada mendengar percakapan dan perbuatan yang merosakkan iman dan menggantikannya dengan mendengar keindahan bacaan al-Quran; bagaimana dengan mulut kita - adakah kita melafazkan kata-kata yang sesia (umpat, menghina atau mencela) tatkala berbual, bercerita dan bergurau senda.

Bagaimana pula dengan kaki kita - adakah ia lebih banyak membawa kita masjid dan majlis ibadah dan ilmu, atau ke tempat yang berbau maksiat atau membazir masa; adakah tangan kita lebih ringan atau lebih berat menderma, bersedekah dan memanjat doa, atau sebaliknya? Bagaimana kita menghabiskan masa - apakah kita lebih banyak bercakap, bercerita dan bergurau senda atau banyak tidur daripada

melakukan pelbagai amal ibadah, terutama dalam 10 hari terakhir Ramadan.

Dan bagaimana dengan fikiran kita - condong kepada buruk atau baik sangka, bertambah ilmu atau sebaliknya; dan bagaimana dengan hati kita - cepat marah dan merajuk atau suka memaafkan, suka menghina atau memulikan, membisikkan fikiran busuk lagi buruk, atau baik lagi mulia?

Para ulama mengkelaskan tiga jenis orang berpuasa: golongan pertama, orang yang sekadar berlapar dan dahaga sahaja; golongan kedua, orang yang selain lapar dan dahaga, berusaha untuk beramal dan beribadat, berusaha mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan laranganNya; golongan ketiga ialah yang melakukan perkara-perkara di atas dan sentiasa menyibukkan hatinya mengingat Allah.

Di mana kita?

(bersambung MS 5)

**Eid
Mubarak!**

Solat Hari Raya Aidilfitri & Aidil Adha dimulakan di Masjid Al-Istiqamah pada jam **8.15 pagi** tepat. Untuk mengelakkan kesesakan, jemaah digalakkan agar berwudhu dari rumah.

Korban dan Ujian Iman

Oleh AbuZubair

Bayangkan, seorang ayah disuruh menyembelih anak kandungnya yang tersayang berdasarkan mimpi! Demikianlah yang terjadi kepada Nabi Ibrahim a.s. dan anaknya Nabi Ismail a.s.

Andai kita mengalami dilemma yang seiras, apakah kita sanggup melaksanakannya? Sesungguhnya ia satu ujian yang amat besar. Hanya iman yang menentukan jawabannya. Keimanan Nabi Ibrahim Nabi Ibrahim A.s. begitu teguh sehingga beliau digelar Khaleelullah (Rakan Allah).

Dan juga, sang anak yang dimaksudkan bukan sebarang orang—juga seorang nabi dan rasul yang unggul, Nabi Isma'il a.s. yang telah menerima tarbiah agama langsung dari Allah s.w.t. semenjak bayi lagi.

Sepertimana yang dimaklumi, apabila sudah hampir Nabi Isma'il a.s. disembelih oleh ayahnya, menerusi qudrat Allah s.w.t., tempatnya digantikan dengan seekor domba. Namun sudah terlanjur, Nabi Isma'il a.s. digelar dengan panggilan manja oleh para ulama—Zabeehullah (Sembelihan Allah).

Hasil kesemuanya ini—seluruh keluarga Nabi Ibrahim a.s. telah diiktiraf sebagai telah lulus ujian dari Allah s.w.t dengan keputusan cemerlang!

Sememangnya, apabila kefahaman agama telah sehati dengan diri seseorang itu, maka tidak ada sesuatu yang dianggap terlalu tinggi harganya untuk dikorbankan kepada Dia yang empunya alam semesta.


Kini, dengan kehendak Allah, prosedur penyembelihan domba di kala musim 'Aidil Adha dikekalkan di seluruh dunia, tahun demi tahun, selagi wujudnya manusia yang mengambil berat tentang agama Allah s.w.t.

Nabi Ibrahim a.s. sekeluarga dimuliakan semulia-mulianya dengan kekalnya ibadah korban.

Kepada mereka-mereka yang dikurniakan kemampuan oleh Allah s.w.t., rebutlah peluang melakukan amalan pengabdian yang lain daripada yang lain ini.

*Masjid Al-Istiqamah, buat kali keduanya, menyandang peranan sebagai salah sebuah pusat menyelenggarakan ibadah korban di Singapura. Bagi yang berminat untuk melaksankannya untuk musim yang akan datang ini, segeralah daftarkan nama untuk mendapatkan kambing korban. **Harga seekor kambing adalah \$260.***

*Hubungi pejabat Masjid Al-Istiqamah menerusi talian **2814287** atau datang sahaja ke kaunter masjid di waktu pejabat untuk keterangan lanjut.*



Syarah-syarah Agama Awal Tahun 2001

(Di Dewan Utama Masjid Al-Istiqamah, selepas Solat Isyak)

Ustaz Khozin Muhsan
Sabtu, 27 Januari 2001

“Nabi Ibrahim a.s., Bapa Nabi-nabi.”

Ustaz Fatris Bakaram
Sabtu, 10 Februari 2001

“Haji—Kemuncak Pengabdian Seorang Muslim.”

Ustaz Dr Badrul Amin
Sabtu, 17 Februari 2001

“Muhajirin dan Ansar—kaum yang diredhai Allah.”



Kursus Haji Pimpinan Ustz Kamariah (Anjuran Jbt Wanita Masjid Al-Istiqamah)

Kursus ini diadakan di Masjid Al Istiqamah dan dibuka kepada Muslimah secara percuma.

Kursus ini bertujuan membantu bakal jema'ah dalam menyediakan diri untuk menunaikan ibadah haji/umrah.

Kursus dipimpin oleh Ustz Kamariah Sheikh Abdul Haleem setiap Isnin 9-10.30 malam. Kursus bermula pada 12 Februari 2001.

Aktiviti Masjid

Jadual Imam/Bilal Solat Juma'at

<u>Tarikh</u>	<u>Imam/Khatib</u>	<u>Bilal</u>	<u>Tarikh</u>	<u>Imam/Khatib</u>	<u>Bilal</u>
5 Jan	Imam Hj Sujuddin Suparuddin	En Yusri Osman	23 Feb	Ust Noor Razak Bakar	Imam Roslan Abd Aziz
12 Jan	Ust Ismail Ahmat	Imam Roslan Abd Aziz	2 Mac	Imam Hj Sujuddin Suparuddin	Hj Yaakob Shukor
19 Jan	Imam Roslan Abd Aziz	Hj Yaakob Shukor	9 Mac	Ust Affandi Ahmat	En Yusri Osman
26 Jan	Ust Mohd Ghouse Salleh	En Ramli Senin	16 Mac	Imam Roslan Abd Aziz	Hj Yaakob Shukor
2 Feb	Imam Hj Sujuddin Suparuddin	En Yusri Osman	23 Mac	Ust Firdaus Yahya	Imam Roslan Abd Aziz
9 Feb	Ust Ahmadini Amir	Hj Yaakob Shukor	30 Mac	Ust Muhd Fazali Jaafar	En Ramli Senin
16 Feb	Imam Roslan Abd Aziz	En Ramli Senin	6 Apr	Imam Hj Sujuddin Suparuddin	En Yusri Osman

Jadual Pembukaan Semula Kelas-kelas Agama Pada Tahun 2001

<u>Tarikh Mula</u>	<u>Kelas</u>	<u>Pimpinan</u>	<u>Tarikh Mula</u>	<u>Kelas</u>	<u>Pimpinan</u>
9 Januari	Kuliah	Ustz Sharaffiah	21 Januari	Iqra	Ust Ramli Senin
13 Januari	Kuliah	Ustz Habsah Senin	31 Januari	Fardhu 'Ain	Ustz Kamariah
14 Januari	Kursus Ibadah Sempurna	Ustz Md Noor Tijany	1 Februari	Sirah Nabi	Ustz Siti Rahmah
15 Januari	Tauhid-Fiqeh-Aqidah	Ust Ibrahim Hussain	5 Februari	Tajwid	Ustz Nek Mah
15 Januari	Hadith	Ust Md Shafie	7 Februari	Iqra & Al-Quran	Ustz Nek Mah
18 Januari	Tafsir Al-Quran	Ust Ibrahim Hussain	8 Februari	Menghalusi Solat	Ustz Nek Mah
19 Januari	Kuliah Maghrib	Ustz Ismail Ahmat	9 Februari	Iqra & Al-Quran	Ustz Nek Mah
19 Januari	Tauhid-Fiqeh-Aqidah	Ust Tengku Md Fouzy	9 Februari	Iqra & Al-Quran	Ustz Nek Mah
20 Januari	Menghalusi Solat	Ust Fahroraizi			
21 Januari	Asas Tajwid	Ust Roslan Abd Aziz			

Perhatian: Masa tidak berubah—kekal seperti sebelumnya.

Jadual Kuliah Subuh (Setiap Ahad)

<u>Tarikh</u>	<u>Penceramah</u>	<u>Tajuk</u>
7 Januari 2001	Ust Syazali Saini	Adab-adab Dalam Islam / Akhlak Islamiah
14 Januari 2001	Ust Mohd Masbur Ahmat	Bersama Para Nabi dalam Al-Quran
21 Januari 2001	Ust Yusof Jaforullah	Tasawwur Islam
28 Januari 2001	Ust Khozin Muhsan	Tanda-tanda Hamba Allah yang Sholeh
4 Februari 2001	Ust Syazali Saini	Adab-adab Dalam Islam / Akhlak Islamiah
11 Februari 2001	Ust Mohd Masbur Ahmat	Bersama Para Nabi dalam Al-Quran
18 Februari 2001	Ust Yusof Jaforullah	Tasawwur Islam
25 Februari 2001	Ust Khozin Muhsan	Tanda-tanda Hamba Allah yang Sholeh
4 March 2001	Ust Syazali Saini	Adab-adab Dalam Islam / Akhlak Islamiah
11 March 2001	Ust Mohd Masbur Ahmat	Bersama Para Nabi dalam Al-Quran
18 March 2001	Ust Yusof Jaforullah	Tasawwur Islam



Qiyamullail 1—Ahad, 25/2/2001 pimpinan Ust Khozin Muhsan
Qiyamullail 2—Ahad, 25/3/2001 pimpinan Imam/Bilal Masjid Al-Istiqamah

Dari belakang kaunter: Laporan ringkas tiga Jabatan

Jabatan Kebajikan

Jabatan yang penting dalam hubungan kami dengan masyarakat dari aspek kebajikan. Dan ia bukan Jabatan yang enteng-enteng untuk dikendalikan kerana sebahagian bidangnya memerlukan kepakaran.

Beberapa perkara asas telah dilaksanakan sejak masjid beroperasi, insya-Allah. Beberapa agenda lain sudah dalam perancangan:

FIDYAH

Untuk tahun ini, Masjid Al-Istiqamah telah menerima hampir \$3,500 wang fidyah dan beberapa kampil beras. Alhamdulillah, sejumlah besar dari wang tersebut dan beras-beras telah diagihkan kepada sekitar 40 orang fakir miskin di kawasan Hougang, Serangoon dan Ang Mo Kio yang mendaftar di Masjid ini. Dan baki telah diagihkan kepada pesakit ginjal Islam yang tergolong sebagai fakir miskin.

Jabatan Belia

Jabatan ini, yang digelar "ARRIJAL AL-ISTIQAMAH", ditubuhkan seiring dengan perwakafan Masjid sekitar Jun 1999. Sejauh ini pelbagai projek telah mereka jayakan secara persendirian, bergabung dengan masjid lain dan juga di bawah naungan Young Muslim Secretariat (YMS/MUIS).

ANTARA YANG MUKHTAR

1. Hijrah Walk 2000 – sebagai pusat permulaan dari daerah Central
2. Young Generation Forum – di Masjid Al-Istiqamah. (Projek bersama dengan Masjid Kg. Siglap dan Alkaff Kg. Melayu).
3. Young Muslim Camp 2000 – di Costa Sand dan

BUKU TEKS TERPAKAI

Alhamdulillah banyak buku-buku teks, beg dan kasut sekolah yang masih baru telah kami terima. Pengagihan kepada fakir miskin telah pun dilaksanakan pada 5 Disember lalu.

Masih banyak lagi buku-buku yang menanti untuk keperluan pelajar. Kami mempelawa sesiapa sahaja yang berhajat untuk mendapatkannya.

Untuk keterangan hubungi Saudari Supiyah di telefon no. 281 4287.

PROGRAM AKAN DATANG

Jabatan ini telah pun komited untuk menjalin kerjasama dengan :

1. Pusat Agihan MUIS cawangan Masjid Al-Muttaqin. Kita akan bertindak sebagai pembantu dan pusat sokongan

dalam mengendalikan bengkel-bengkel dan program-program pengayaan untuk fakir miskin.

2. As-Salaam (Pusat Sokongan Keluarga PPIS) Pengkhususan mereka kepada ibu/bapa tunggal dan tanggungannya. Untuk tahun 2001, kita akan membantu mereka dalam beberapa program seperti :
 - a) Merujuk kes untuk kaunseling
 - b) Program Salaam – untuk anak-anak dari keluarga ibu/bapa tunggal.
 - c) Pendidikan Umum – dengan menayangkan video "Anak: Amanah Kita Bersama".
 - d) Bengkel-bengkel bertajuk "Amanah Mengasuh Anak-Anak Selepas Perceraian" dan "Membina Semula Kehidupan Selepas Perceraian".
 - e) Forum Keluarga – Sekitar bulan Jun 2001

Sentosa (Projek bersama dengan Masjid An-Nur, Al-Muttaqin, Alkaff Kg. Melayu, Darussalam)

4. Kempen Ramadan 1421H – Projek anjuran YMS/MUIS. Beberapa belia kita mengetuai projek di beberapa daerah termasuk di Geylang Serai.

5. Projek Kebajikan ke Rumah Anak Yatim Darul Ihsan Lil-banin
6. Hari Ukhwah di kalangan belia Masjid Al-Istiqamah dan kenalan mereka.

AKAN DATANG (INSYA-ALLAH)

ISLAMIC CAMP di bawah bimbingan **Ust Dr Badrul Amin** sempena cuti sekolah, Mac 2001. Butiran perancangan sedang dihalusi.

Untuk pertanyaan atau ingin menjadi ahli, hubungi melalui email:

arrijal@mosque.org.sg

atau telefon kak Siti Sainab di talian : 2814287.



Antara peserta 'Young Generation Forum'

Jabatan Pendidikan

Walaupun di waktu cuti sekolah, jabatan pendidikan terus segar dengan pelbagai kegiatan.

HAFLAH 2000

Haflah untuk penuntut-penuntut Madrasah Iqra, PERDAUS dan Taska PPIS diadakan pada 19 No-



Haflah Madrasah Al-Istiqamah / PER-DAUS & Taska PPIS.

vember di Pusat Islam Singapura (MUIS).

TADARUS DI BULAN RAMADAN

Seramai 35 orang kanak-kanak/remaja mengisi masa cuti mereka bertadarus di Masjid Al-Istiqamah. Berkat bimbingan Ustz Nazmah Sallim (guru Iqra Sepadu) dan Puan Halimah Omar, kumpulan ini dapat khatam dua kali di dalam bulan Ramadan ini.

Aktiviti tadarus yang dianjurkan buat pertama kali oleh pihak masjid bertujuan mendekatkan kanak-kanak/remaja dengan Al-Quran di samping menghidupkan suasana Ramadan. Alhamdulillah, matlamat itu tercapai apabila ramai kanak-kanak tampil untuk bertadarus dari jam 11:00 pagi hingga



Tadarus Al-Quran Kumpulan Kanak-kanak / Remaja.

selepas Zuhur.

Setiap peserta dihadiahkan cenderahati dalam bentuk mashaf Al-Quran dalam majlis pengkhata-man pada 23 Disember 2000 petang bersamaan 27 Ramadan 1421.

...dari Mukasurat 1

Dan apakah puasa kita diterima? Hanya Allah yang tahu. Dan kita akan dapat mengesahkannya apabila kita berjumpa Allah di akhirat kelak. Namun, kita boleh mencongak di mana kedudukan puasa kita.

Ustaz Ismail Kamus, seorang penyarah dari Malaysia, baru-baru ini memberikan beberapa panduan bagaimana kita boleh menilai puasa kita.

Satu daripadanya ialah dengan melihat sama ada kita berasa ringan atau keberatan melakukan puasa enam, mempercepatkan atau melambatkan puasa enam, atau tidak buat langsung.

Ini kerana puasa enam itu adalah bonus atau anugerah tambahan untuk orang-orang yang beriman. Orang yang berjaya dengan cemerlang wajar mendapat ganjaran.

Kita juga boleh melihat bagaimana cara kita berbelanja dalam Hari Raya ini -- adakah kita berhabis-habisan, atau berpada-pada dalam berbelanja menyambut

Hari Raya.

Dan kita boleh menilai dengan melihat perasaan kita sendiri -- adakah kita bersedih dan menangis tatkala Ramadan meninggalkan kita (kerana bulan yang dipenuhi rahmat dan pengampunan Allah akan pergi meninggalkan kita), seperti yang dirasa oleh orang-orang yang dekat dengan Allah.

Kita juga boleh menilai dengan meninjau makna di sebalik Hari Raya Aidil Fitri. Salah satu makna Aidil Fitri ialah kembali kepada fitrah - keadaan semula jadi manusia. Tetapi fitrah yang bagaimana?

Fitrah atau sifat semula jadi manusia ada dua - satu ialah sifat manusia yang lupa diri. Perkataan "insan" itu berasal dari kata nisan (lupa). Dan manusia kerap lupa mengawal hawa nafsu, sehingga kurang berupaya mengawal pandangan, penglihatan, pendengar, perut, tangan dan kaki, hati dan fikiran.

Satu lagi ialah keadaan semula jadi tatkala kita pertama kali dihimpunkan Allah dalam alam Ruh. Allah bertanya kepada kita semua: "'Bukankah Aku Tuhan kamu?" dan kita semua menjawab: "Bahkan, kami menyaksikan" -- satu perakuan hamba untuk melakukan yang diperintahkanNya dan meninggalkan larangan dan tegahanNya.

Fitrah yang mana akan kita tuju dalam Hari Raya ini? Apakah akan sama seperti tahun-tahun lalu, atau ada peningkatan diri?

Dalam kita berhari raya, moga kita tidak lupa muhasabah diri. Moga Ramadan dan Hari Raya kali ini lebih bererti buat diri, keluarga dan masyarakat kita.

Dan semoga kita semua menang, tidak kalah; untung, tidak rugi; dan bahagia, tidak kecewa, insya-Allah, amin.

Selamat Hari Raya Idul Fitri, Minal 'Aidin Wal Faa izin Waminal Maqbuuliin.

Ummi Ros, Ummi Tabung

Oleh Siti Sainab Abdul Wahid

Sebut sahaja pasal tabung, akan tergambar wajah Puan Rosmania Haris bersama anak-anak buahnya. Sejak Masjid Al-Istiqamah didirikan pada 22 Jun 1999, banyak kelas-kelas agama yang telah dianjurkan oleh masjid ini.

Setiap kali kelas berjalan, akan kelihatanlah anak-anak comel dan manis menghulurkan tabung meminta derma dari jemaah sambil dengan sopan berkata "Assalamualaikum, sudilah kiranya menderma, terimakasih."

Sejak kecil mereka telah dilatih untuk membuat kerja-kerja kebajikan, berkat bimbingan yang diberikan oleh Puan Rosmania atau lebih dikenali sebagai "Ummi Ros, Ummi Tabung" tulang belakang bagi KUMPULAN TABUNG AL-ISTIQAAMAH yang telah ditubuhkan semenjak bulan Julai 1999.

Ummi Ros telah lama berkecimpung dalam kerja-kerja kebajikan. Beliau berasa bangga dapat berbakti kepada masjid walau hanya dengan menyumbang tenaga. Setiap kali syarahan atau majlis keramaian berjalan, beliau adalah orang yang paling sibuk menguruskan dan mengaturkan kanak-kanak tanpa mengenal penat atau malu.

Mengenai tugasnya, Ummi Ros berkata... "Kanak-kanak ini telah didisiplinkan dari segi pakaian, percakapan dan cara-cara meminta derma. Tak susah mengurus mereka"

Menyentuh tentang pengalaman pahit manisnya, dengan ghairah beliau bercerita: "Pengalaman manis tu... Saya rasa gembira bila terima derma dari jemaah dan bila

mereka beri tips pada budak-budak. Kalau yang pahit tu, bila ada jemaah yang kata... Asyik-asyik tabung, sedih dan terharu bila dengar mereka kata begini.

"Sesetengah tu marah bila melihat kanak-kanak ini menghulurkan tabung, tapi saya tidak kecil hati kerana terpulang pada keikhlasan hati mereka untuk memberi atau tidak, tak ada paksaan." Beliau meluahkan perasaan pilunya.

Dengan semangat yang ditunjukkan oleh Ummi Ros, tak hairanlah kalau kita lihat kanak-kanak ini begitu konfiden dalam menjalankan tugas mereka. Ibarat kata pepatah "Kemana lagi kuah tumpah, kalau tak ke nasi", maka salah seorang dari peserta kumpulan ini ialah anaknya, Siti Nasyihin, enam tahun.

Siti Nasyihin telah mula berjinak-jinak dengan kerja kebajikan sejak berusia 4 ½ tahun lagi. Bila ditanya mengapa beliau suka melakukan tugas ini, dengan spontan dia menjawab, "Kerana Allah".

Betapa budak sekecilnya sudah pandai membuat amal kebajikan!

Bertanya pada diri sendiri, mampukah aku melakukannya? Belum tentu aku dapat menepis perasaan malu dan berani berhadapan dengan jemaah yang berbagai kerenah.

Temannya yang lain seperti Siti Mardhiyyah Saat, 7 tahun, dan Nurul Amirah Azman, 5 tahun, suka memungut derma kerana "dapat duit". Nurul Afiqah Suhaimi, 6 tahun pula gembira dapat membantu masjid. Apa pula kata Nur Aliff Azman, 13 ta-



"Umi Ros" beserta angkatan tentera bariisan hadapan beliau.

hun, satu-satunya peserta lelaki dalam kumpulan ini? "Bersemangat bila dipuji...Wah baguslah budak ni". Biar apapun alasannya, yang penting mereka gembira dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugas yang menyumbang kepada dana masjid... alhamdulillah!

Kumpulan tabung ini adalah kedua setelah kumpulan pertama yang terdiri dari adik-adik Namirah, Nadiyah, Aliff, Zakiah, Aqilah, Hakim dan Nabila yang sekarang berusia dalam lingkungan 7-12 tahun. Adik-adik mereka inilah yang menggantikan mereka sekarang ini. Seperti yang diinginkan oleh Ummi Ros, beliau lebih suka kanak-kanak kecil dalam kumpulannya agar kelas tetap dapat berjalan dengan lancar tanpa gangguan.

Harapannya agar kanak-kanak ini dapat sentiasa diganti supaya mereka dapat diberikan tugas yang baru. Beliau juga berharap agar masjid dapat mengumpulkan dana dengan lebih giat lagi di masa hadapan.

Sama-samalah kita doakan agar Ummi Ros diberikan kesihatan agar dapat meneruskan tugas murninya menyumbang kepada masjid dan semoga Allah membalas jasa baiknya. Suatu contoh yang patut kita tauladani. Syabas Ummi Ros!!!

Ilmu Perlu Untuk Beramal

Oleh Hj Mohammad Sa'at Matari

Jika anda berterawih di masjid ini, anda mungkin terpandang Hj Nordin Hj Ahmad yang kerap berada di sudut berhampiran tiang sebelah kiri dewan solat utama, sembahyang duduk di kerusi. Kakinya lemah membuat beliau tidak dapat berdiri lama. Namun itu tidak sedikit pun melemahkan semangatnya untuk melaku-

kukan solat terawih. Malah tidak pernah terlepas terawih sepanjang Ramadan ini.

Hj Nordin bersyukur kerana mempunyai menantu yang ambil berat membawanya ke masjid setiap hari. Walau tidak kuat berdiri, beliau berdoa selagi ada hayat dapat beramal dengan sempurna dan


peluang, kalau kita tahu dan faham hikmah dan cara-cara beribadah.

Solat terawih hukumnya sunat muakkadah dan lebih utama jika dilakukan berjemaah di masjid.

Rasulullah s.a.w. sangat menggalakkan solat terawih dan bersabda, "Sesiapa yang menghidupkan Ramadan dengan mengerjakan sembahyang malam harinya dengan penuh keimanan dan ikhlas, pasti diampunkan dosanya yang lalu".

Solat terawih ialah sembahyang 'relaks', kalau mampu 20 rakaat, jika tidak, boleh buat lapan rakaat. Jika tidak berdaya berdiri, boleh sembahyang duduk. Sekiranya tidak boleh duduk di bawah, boleh duduk di kerusi seperti Haji Nordin.

Kesimpulannya ilmu sangat perlu untuk beramal.



Hj Nordin bersama As-Syeikh Rejab Sya'aban Yunos Al-Hafiz dari Mesir selepas solat terawih.

d a p a t
m e n u n a i -
k a n s o l a t
t e r a w i h —
s a t u a m a -
l a n y a n g
t i d a k d a p a t
d a m b u -
l a n l a i n .

Kita wajar mengambil iktibar kesungguhan beliau untuk memanfaatkan sepenuhnya

Luahan Seorang Khadam

Oleh Hj Mohammad Sa'at Matari

Tidak pernah terlintas di benak ini, bahawa satu hari saya akan berkerja di Masjid.

Apabila saya dipelawa bekerja sebagai Pegawai Sepenuh Masa di Masjid Al-Istiqamah, saya termenung dan bertanya dalam hati, bolehkah aku?

Tanggung jawabnya mesti lebih daripada tugas sebagai Setiausaha Lembaga Pentadbir. Tentu LPM ada harapan yang tinggi dan ini memang wajar, kerana jemaah juga meletakkan harapan yang tinggi dari LPM.

Saya teringat pesan Ustaz Saripi Rawi ketika mula-mula dilantik menjadi Naib Pengerusi JPM Al-

Istiqamah dahulu, iaitu Allah swt berfirman "sesungguhnya di sebalik kesukaran ada kebaikan" dan "di sebalik kesukaran ada kebaikan", Surah Asy-Syarh ayat 5 dan 6.

Sebelum ini, saya tidak pernah menjadi Setiausaha. Semuanya bermula dari langkah pertama.

Saya terfikir, "kalau Allah pilih aku, wajarkah aku menolaknya? Bagaimana sekiranya Allah menolak aku pula?"

Saya bertawakal dan insya-Allah akan berusaha melaksanakan amanah dan tanggungjawab ini dengan sebaik mungkin.

Alhamdulillah, Allah telah mengurniakan kakitangan masjid yang berdedikasi, masing-masing dengan kekuatan dalam bidang-bidang yang tertentu.

Bersama mereka saya berharap dan berdoa agar kami dapat melaksanakan amanah sebaik mungkin dan menjadikan Masjid Al-Istiqamah teras pembangunan Ummah.

Kepada sekelian jemaah, terutama para sukarelawan, Muslimin Muslimah, doa dan sokongan anda amat kami harapkan.

Kami rela ditegur demi kebaikan dan sedia menerima maklum balas atau cadangan demi kemakmuran rumah Allah.


Kami sedia menerima sumbangan daripada sekalian pembaca. Sertakan penulisan anda dengan nama penuh, nombor kad pengenalan dan alamat. 'Suara Al-Istiqamah' adalah risalah yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan dan Perhubungan Masjid Al-Istiqamah. Pandangan-pandangan yang diutarakan di dalam terbitan ini adalah milik penulis dan tidak semestinya mencerminkan pandangan rasmi pihak Masjid Al-Istiqamah.

Masjid Al-Istiqamah
2 Serangoon North Ave 2
Tel: 281-4287 Fax: 281-3204
Email: alistiqamah@mosque.org.sg



Lembaga Pentadbir
Masjid Al-Istiqamah

*Membina Masyarakat Beriman, Berilmu
& Beramal.*



Syukran Katseeran...

Lembaga Pentadbir Masjid Al-Istiqamah, bersama semua anggota staf dan para-para sukarelawan mengucapkan terimakasih sebesar-besarnya kepada sekalian jemaah yang menjadikan Masjid Al-Istiqamah sebagai masjid pilihan. Dan ucapan terimakasih khusus kepada sesiapa sahaja yang telah memberi sumbangan dari segi kewangan, masa, tenaga, buah fikiran dan lain-lain sama ada sebelum ataupun sesudah terbitannya masjid ini. Semoga segala usaha kita ke arah kebaikan di beri ganjaran sewajarnya oleh Allah s.w.t.

Kenali Sahabat Rasulullah s.a.w.

Keteguhan Iman Abu Bakar (r.a.)

Dalam peristiwa Isra' dan Mi'raj, ramai dari kaum Muslimin yang tergoncang keimanannya sehingga menjadi luntur keyakinan kepada agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Tetapi ramai yang lain tetap dalam keimanan itu, malah menjadi lebih teguh lagi.

Abu Bakar adalah di antara orang-orang yang menjadi teguh keimanannya dengan adanya ujian dari peristiwa itu. Apabila dia ditemui oleh kaum Quraisy yang berusaha untuk menukar kepercayaan Abu Bakar, beliau malah menjadi lebih tegas.

"Hai Abu Bakar! Sudahkah eng-

kau dengar apa kata sahabatmu Muhammad pagi ini?" tanya kaum Quraisy.

"Apa kata dia?" tanya Abu Bakar.

"Dia mendakwa telah pergi ke Baitul-maqdis, bersolat di sana, kemudian kembali lagi di Makkah pagi ini! Adakah masuk di akal itu, padahal kita melawatnya dalam perjalanan pergi saja hampir tiga bulan, kemudian perjalanan kembalinya pula demikian?" kaum Quraisy menjejalkan.

"Apakah memang begitu dikatakannya?" tanya Abu Bakar.

"Kalau tak percaya pergilah temuinya di masjid dan tanyalah sendiri." ujar mereka lagi.

"Demi Allah, memang bila dia mengatakan begitu, maka apa yang dikatakannya itu selalu benar!" jawab Abu Bakar tanpa syak dan ragu. "Dan kalau dia mengatakan bahawa dia telah naik ke atas langit sekalipun, lalu kembali lagi dalam sekelip mata saja, baik malam ataupun siang, saya tetap mempercayainya."

Menyusuli peristiwa itu, Rasulullah s.a.w. memberi gelaran As-Siddiq (yang dapat dipercayai) kepada Abu Bakar r.a.

UCAPAN TAHNIAH

Tahniah kepada Sdri Nurhayati Salbini (Pegawai Eksekutif Jbt Pendidikan) dan suami, Encik Izamuddin Mohd Ali, atas kelahiran anak pertama mereka pada 2 November 2000 (6 Sya'aban 1421). Semoga Allah s.w.t. menjadikannya anak yang soleh dan berkhidmat untuk agama. Syukur Alhamdulillah.